



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepe.com



**TUGAS, CABARAN DAN IMPLIKASI PENGURUSAN
PROFESIONAL PENOLONG KANAN KOKURIKULUM DALAM
PENGAJARAN**

*PROFESSIONAL DUTIES, CHALLENGES, AND MANAGERIAL IMPLICATIONS
OF THE SENIOR ASSISTANT FOR CO-CURRICULAR AFFAIRS IN TEACHING*

Aisyah Mohammad Roslan^{1*}, Musirin Mosin²

¹ Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: ratusyahadah_1708@yahoo.com

² Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email : musirin@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.06.2025

Revised date: 15.07.2025

Accepted date: 25.08.2025

Published date: 19.09.2025

To cite this document:

Roslan, A. M., & Mosin, M. (2025). Tugas, Cabaran Dan Implikasi Pengurusan Profesional Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengajaran. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 948-958.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059068

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Dalam menempuhi dunia pendidikan masa kini, Penolong Kanan Kokurikulum di sesebuah sekolah merupakan nadi penggerak utama dalam bidang kokurikulum. Tidak hanya menguruskan bidang kokurikulum, Penolong Kanan Kokurikulum juga merupakan seorang guru yang bertanggung jawab dalam pengurusan pengajaran. Penolong Kanan Kokurikulum perlu membahagikan masa antara pengurusan professional kokurikulum dan juga pengurusan pengajaran. Biarpun bidang Pendidikan merupakan bidang utama bagi Penolong Kanan Kokurikulum, namun adakah bidang utama ini diberi tumpuan dengan sewajarnya dan sebaiknya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tugas, cabaran dan implikasi pengurusan professional yang dipikul oleh Penolong Kanan Kokurikulum dalam pengajaran. Melalui dapatan kajian, pengkaji menemui 12 tugas pengurusan pengajaran, 11 cabaran yang dihadapi dalam pengurusan pengajaran dan 2 implikasi iaitu terhadap guru dan murid dari sudut pandang positif dan negatif. Data dan maklumat diperoleh daripada temu bual, analisis dokumen dan juga pemerhatian melalui enam orang informan daripada sekolah terpilih di salah sebuah zon Daerah Ranau.

Kata kunci:

Guru Pedalaman, Cabaran Pengajaran, Pengurusan Pengajaran, Kepuasan Kerja

	Abstract: In navigating the current educational landscape, the Assistant Principal for Co-curricular Activities at a school is the main driving force in the field of co-curricular activities. Not only does the Assistant Principal manage co-curricular activities, but they are also a teacher responsible for managing instruction. The Assistant Principal is seen as needing to divide their time between professional co-curricular management and instructional management. Although education is the primary field for the Assistant Principal, is this main field given the appropriate and best focus? Therefore, this study aims to identify the tasks, challenges, and implications of professional management carried out by the Assistant Principal in teaching. Through the study findings, the researcher identified 12 instructional management tasks, 11 challenges faced in instructional management, and 2 implications for teachers and students from both positive and negative perspectives. Data and information were obtained from interviews, document analysis, and observations through six informants from selected schools in one of the zones in the Ranau District. Keywords: Rural Teachers, Teaching Challenges, Teaching Management, Job Satisfaction
--	--

Pengenalan

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) atau secara umumnya dikenali sebagai guru, memainkan pelbagai peranan profesional, separa profesional dan bukan profesional dalam sesebuah institusi pendidikan. Pendidikan di Malaysia, yang berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 1987), memberi penekanan kepada pembangunan insan secara menyeluruh dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Sehubungan itu, pelaksanaan aktiviti kokurikulum tidak boleh dipandang remeh, kerana ia menjadi medium penting bagi membentuk sahsiah murid secara holistik.

Dalam konteks ini, Penolong Kanan Kokurikulum (PK Ko) memegang peranan strategik dalam menyelaraskan program kokurikulum dengan kehendak dasar pendidikan negara. Mereka bukan sahaja merancang dan memantau aktiviti kokurikulum, malah bertindak sebagai pemimpin organisasi kedua selepas Pengetua dalam aspek pembangunan pelajar di luar bilik darjah (Zainuddin et al., 2016). Namun begitu, mereka juga merupakan guru subjek yang masih terikat dengan tanggungjawab pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah mengikut agihan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kajian terkini oleh Maznah Abdullah (2023) menegaskan bahawa GPK Kokurikulum sering berdepan dengan konflik peranan apabila perlu mengimbangi tugas kepimpinan kokurikulum dengan pengajaran akademik. Beban kerja yang tinggi, keperluan mendokumen setiap aktiviti kokurikulum, mengurus guru penasihat unit, serta menyelia perjalanan program sekolah sering menjejaskan masa dan fokus mereka terhadap PdP. Tambahan pula, kekangan sumber, keutamaan akademik oleh pihak pentadbir, dan kurangnya latihan kepimpinan khusus menjadi cabaran besar kepada mereka.

Lebih membimbangkan, tekanan ini boleh menjejaskan motivasi guru dan penglibatan murid dalam kokurikulum, seterusnya memberi kesan kepada pembangunan sahsiah dan kepimpinan pelajar yang seharusnya diutamakan dalam pendidikan holistik. Hal ini ditegaskan dalam

laporan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2021) yang menyatakan bahawa pencapaian kokurikulum masih rendah dalam kalangan pelajar luar bandar akibat kurangnya kecekapan pengurusan di peringkat sekolah.

Sebagai pemimpin pertengahan (middle leader), GPK Kokurikulum sepatutnya dibimbing untuk memperkukuh kepimpinan instruksional dan transformasional, agar dapat menterjemah dasar kokurikulum ke dalam bentuk pelaksanaan yang berkualiti tanpa menjejaskan peranan mereka dalam pengajaran. Perlu ada keseimbangan jelas antara tanggungjawab pengurusan dan tanggungjawab pengajaran yang perlu disokong melalui latihan profesional berterusan serta sokongan pentadbiran yang konsisten (Mohd. Sani, 2022).

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru yang bertugas di kawasan pedalaman Sabah yang digariskan seperti berikut:

- i. Mengkaji tugas pengurusan profesional Penolong Kanan Kokurikulum dalam pengajaran.
- ii. Mengkaji cabaran pengurusan profesional Penolong Kanan Kokurikulum dalam pengajaran.
- iii. Mengkaji implikasi pengurusan profesional Penolong Kanan Kokurikulum dalam pengajaran.

Sorotan Literatur

Kajian literatur membincangkan perkara utama dalam kajian ini iaitu pengurusan tugas, cabaran dan implikasi.

Tugas

Tugas utama seorang guru adalah mengajar dan mendidik. Namun begitu, kajian semasa menunjukkan bahawa beban kerja guru telah meningkat secara signifikan dan merangkumi pelbagai tanggungjawab tambahan. Kajian oleh Shaari, Romle dan Kerya (2022) mendapati bahawa guru sekolah rendah di Malaysia secara purata bekerja melebihi 64 jam seminggu. Lebih daripada separuh masa itu diperuntukkan kepada tugas akademik, manakala selebihnya digunakan bagi urusan pentadbiran dan kokurikulum. Beban kerja ini menunjukkan betapa luasnya skop tugas guru masa kini, melebihi tanggungjawab asas pengajaran di bilik darjah.

Dalam konteks tekanan kerja, Adawiah dan Romadona (2021) melaporkan bahawa ketidakseimbangan antara tugas pengajaran dan tugas tambahan seperti pengurusan menyebabkan tekanan kerja dalam kalangan guru. Tekanan ini bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan guru, malah memberi kesan langsung kepada kualiti pengajaran yang dilaksanakan.

Dari aspek komitmen organisasi, Othman dan Busari (2023) mendapati bahawa guru sekolah rendah menunjukkan tahap komitmen yang tinggi, dengan komitmen afektif mencatatkan nilai tertinggi. Kajian ini menunjukkan bahawa hubungan emosi guru terhadap sekolah memainkan peranan penting dalam menentukan kesediaan mereka menghadapi beban kerja yang mencabar. Kepimpinan pihak pentadbiran turut dikenalpasti sebagai faktor penting yang mempengaruhi komitmen guru. Kajian oleh Hew, Wahab dan Tan (2023) menunjukkan bahawa gaya kepimpinan multidimensi oleh guru besar mampu meningkatkan komitmen guru secara

signifikan. Dapatan ini disokong oleh Yusoff dan Suhaimi (2022) yang mendapati bahawa kecerdasan kontekstual pengetua menjelaskan sehingga lima puluh peratus daripada perubahan dalam tahap komitmen organisasi guru. Selain itu, Mohamed (2021) menekankan bahawa guru masa kini perlu menguasai kemahiran multitugas kerana mereka turut terlibat dalam pelbagai kerja pentadbiran dan pengurusan yang memerlukan kebolehan merancang masa secara efektif.

Secara keseluruhan, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa beban kerja yang berlebihan, tekanan peranan, dan keperluan multitugas memberi impak terhadap keupayaan guru melaksanakan tugas pengajaran secara berkesan. Dalam masa yang sama, tahap komitmen dan kepimpinan sekolah dilihat memainkan peranan sebagai faktor penyokong atau penampan terhadap cabaran ini. Oleh itu, sorotan ini menjadi asas penting bagi memahami latar isu yang dikaji dan membandingkan dapatan yang diperoleh dalam kajian ini.

Cabaran

Melalui refleksi perjalanan seharian persekolahan, Penolong Kanan Kokurikulum sering dilihat terlalu sibuk dengan pelbagai tugas profesional yang bermula seawal Januari. Antara tugas utama termasuk menghadiri mesyuarat untuk aktiviti kokurikulum dan sukan, terlibat dengan aktiviti di luar sekolah, serta menguruskan perincian bagi setiap program yang akan disertai oleh sekolah. Kemuncak kepada beban tugas ini ialah penyediaan laporan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Situasi ini, menurut Ibrahim dan Abdul Wahab (2021), menjejaskan kelancaran tugas pengajaran yang dipertanggungjawabkan kepada mereka, termasuk ketidakhadiran ke kelas, kekangan masa untuk menyediakan Rancangan Pengajaran Harian dan kesukaran menghasilkan bahan bantu mengajar.

Dapatan kajian oleh Samad, Noor dan Mansor (2022) menunjukkan bahawa guru juga berhadapan dengan tekanan daripada pentadbir sekolah seperti Guru Besar dalam menguruskan hal berkaitan pentadbiran, selain perlu memantau peningkatan pencapaian akademik murid, menangani komitmen rakan sejawat yang tidak konsisten serta berhadapan dengan staf yang kurang aktif.

Kajian oleh Razali dan Kamarudin (2023) pula menyatakan bahawa guru menghadapi cabaran untuk menghabiskan sukatan pelajaran kerana perlu mengulang semula kemahiran asas yang telah diajar sebelum ini, terutamanya dalam kalangan murid yang berprestasi rendah. Selain itu, Hashim dan Mokhtar (2023) menyatakan bahawa masa pengajaran yang diperuntukkan sering tidak mencukupi akibat gangguan rutin dan tuntutan pentadbiran harian. Tambahan pula, Faizah, Zulkefli dan Mahayuddin (2021) menekankan bahawa pengurusan tingkah laku murid merupakan salah satu cabaran utama dalam bilik darjah, manakala kajian oleh Chan dan Lau (2022) menyoroti keperluan kepada penggunaan bahan bantu mengajar yang lebih sistematik dan relevan agar pengajaran lebih berkesan.

Implikasi

Melalui pemerhatian rutin harian di sekolah, Penolong Kanan Kokurikulum sering terpaksa menanggung beban kerja profesional yang tinggi sejak awal tahun. Antara tanggungjawab utama termasuk menghadiri mesyuarat untuk aktiviti kokurikulum dan sukan, menyertai program luar sekolah, serta menguruskan butiran pelaksanaan setiap program. Tekanan ini memuncak ketika penyediaan laporan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Beban kerja ini turut mencetuskan tekanan pekerjaan yang mengganggu tugas pengajaran harian termasuk ketidakhadiran ke kelas, kekurangan masa menyediakan

Rancangan Pengajaran Harian (RPH), dan kesukaran menghasilkan bahan bantu mengajar yang berkualiti (Rusdi et al., 2021).

Kajian oleh Amzat, Kaur, Al-Ani, Mun dan Ahmadu (2021) menjelaskan bahawa burnout di kalangan guru berkait rapat dengan misbehaviour murid, kurangnya kerjasama ibu bapa, dan tekanan persekitaran kerja sekolah menjejaskan komitmen pengajaran dan mengekang keberkesanan profesion perguruan.

Pau, Ahmad, Tang, Jusoh, Perveen dan Tat (2022) pula melaporkan bahawa guru sekolah menengah di Malaysia mengalami kadar burnout yang tinggi dalam dimensi pengurusan masa, tugas pentadbiran dan stres kerja menyebabkan keletihan dan risiko mental yang serius. Kajian oleh Ani et al. (2025) menekankan bahawa kelebihan beban kerja, termasuk tugas pentadbiran berlebihan dan dokumentasi, adalah faktor utama yang menyumbang kepada burnout di kalangan pendidik Malaysia, yang mencerminkan cabaran sistemik yang konsisten dengan situasi peranan Penolong Kanan Kokurikulum.

Asman et al. (2023) mendapati bahawa tugas tambahan guru, kekurangan infrastruktur sekolah, dan penggunaan aplikasi sistem pendidikan turut menyumbang kepada beban kerja yang tidak seimbang, terutama di sekolah berdaftar rendah, membatasi masa untuk penyediaan pengajaran yang efektif.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang bersifat naratif berdasarkan kajian-kajian lepas (2020-2025). Biografi diasaskan untuk pemilihan responden kajian. Guru Penolong Kanan Kokurikulum yang terlibat sebagai responden kajian merupakan GPK Kokurikulum yang bertugas di sekolah-sekolah KPM kawasan tumpuan kajian iaitu di salah sebuah zon daerah Ranau, Sabah. Pengumpulan data dilakukan selama 6 bulan. Data dikumpul melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Soal selidik yang telah mendapat pengesahan panel profesional digunakan untuk sesi temu bual. Temu bual melibatkan enam orang GPK Kokurikulum Zon bagi kawasan kajian yang bersetuju dan tidak mempunyai halangan lain untuk ditemu bual. Dokumen merupakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT), Dokumen Standard Kurikulum Pelajaran (DSKP) dan Rekod Kehadiran. Kesemua data dari kajian ini telah mendapat pengesahan daripada informan sendiri. Analisis data yang diperoleh secara manual dan tematik.

Hasil Kajian Dan Perbincangan

Dapatan kajian dilaporkan mengikut 3 tema yang ditetapkan iaitu tugas, cabaran dan implikasi dalam pengajaran.

Tugas pengurusan profesional Penolong Kanan Kokurikulum dalam pengajaran

Pengurusan pengajaran merupakan perkara penting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Tugas guru dikategorikan kepada dua bahagian iaitu Tugas Pengurusan Profesional dan Tugas Pengurusan Pengajaran.

i. Tugas Pengurusan Profesional

Tugas pengurusan profesional terbahagi kepada tiga iaitu Pengurusan Kokurikulum, Pengurusan Sukan dan Pelaporan. Terdapat tiga dapatan dari kajian yang dijalankan iaitu tugas sebagai guru mata pelajaran, tugas sebagai ketua panitia mata pelajaran dan perancangan penggantian kelas bersama guru lain.

ii. Tugas Pengurusan Pengajaran

Pengurusan pengajaran meliputi proses sebelum, semasa, dan selepas melibatkan perancangan, pelaksanaan dan penilaian aktiviti pengajaran oleh guru. Perancangan rapi sebelum sesi PdP berlangsung merupakan elemen paling penting kerana penentuan topik, standard kandungan, standard pembelajaran, objektif dan langkah-langkah pengajaran dirancang dengan baik. Berdasarkan temu ramah dan analisis dokumen, kesemua guru-guru menyedari keperluan ini dan menyatakan kepentingan penyediaan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT), Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan (DSKP). Selain itu, penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan elemen penting dalam proses penyediaan kerana penggunaan BBM dapat membantu kefahaman murid dan memudahkan pengajaran guru. Antara contoh penyediaan BBM adalah dari bahan seperti audio, video dan bahan lain seperti kertas, pen dan lain-lain yang bersesuaian dengan RPH untuk kelas tersebut. Teks verbatim di bawah menunjukkan guru-guru ini menyedari keperluan BBM dan ianya perlu bersesuaian dengan RPH:

“sediakan bahan yang paling perlu sesuai dengan RPH..”

Dapatan dari kajian menyatakan bahawa pengelolaan pengajaran dan mengikuti langkah-langkah aktiviti pengajaran dalam RPH merupakan elemen yang penting semasa sesi PdP berlangsung. Manakala pemberian lembaran kerja sebagai pengukuhan, penilaian murid semasa dan langkah selepas sesi PdP tamat amatlah penting. Perekodan untuk laporan pentaksiran murid juga merupakan antara tugas pengurusan pengajaran guru.

Cabaran Pengurusan Profesional Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengajaran

Cabaran penting yang perlu diteliti ialah kesemua Penolong Kanan Kokurikulum (GPK Kokurikulum) yang terlibat bukanlah pemegang jawatan hakiki. Jawatan tersebut hanya disandang melalui lantikan dalaman pihak sekolah. Malah, salah seorang daripada mereka sebenarnya memegang jawatan hakiki sebagai Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), namun telah diberikan tanggungjawab sebagai GPK Kokurikulum kerana guru yang sepatutnya menyandang jawatan tersebut tidak dapat melaksanakan tugas dalam bidang kokurikulum. Jawatan hakiki memberi sedikit kelebihan dalam mengurus tadbir hal-hal berkaitan kokurikulum dan pengajaran di sekolah. Masa mengajar yang terlalu banyak dikhuatiri menyukarkan pengurusan tugas-tugas dua bidang utama guru ini iaitu pengurusan kokurikulum dan pengurusan pengajaran. Setiap GPK Kokurikulum yang ditemu bual menyatakan masa mengajar mereka melebihi 12 jam. Sebahagian guru diterjemahkan buktinya melalui teks verbatim berikut:

“lebih kurang dalam 18 begitulah..”

“saya.. em.. 24 masa tu.. ha.. ya.. 24.”

“Ya (angguk) masa mengajar.. aa.. 29 waktu tu saya..

“Dalam 23 masa..”

“sebab pernah juga dapat 24,26 masa lah..”

“jadi boleh sampai 24, 22, 24, 26 begitulah juga..”

Kekerapan tidak berada di sekolah atas sebab tugas pengurusan kokurikulum menyebabkan kelas guru-guru ini diganti oleh guru lain. Antara masalah guru ganti yang dapat dicungkil adalah apabila guru yang menggantikan kelas bukanlah guru *'master'* dalam mata pelajaran tersebut. Diketengahkan juga bahawa kekurangan guru dan kakitangan menyebabkan terdapat kelas yang tidak mempunyai guru ganti. Jika kelas diganti dengan guru lain, ketidakpastian guru pengganti tersebut meneruskan pengajaran yang ditinggalkan menjadi dilema guru-guru ini. Bahkan terdapat guru ganti yang hanya mengajar mata pelajaran mereka sendiri untuk cuba menghabiskan silibus mata pelajarannya menyebabkan GPK Kokurikulum yang meninggalkan kelas terpaksa mengajar semula pelajaran yang telah dirancang untuk kelas semasa ketiadaannya. Perkara yang perlu diberi perhatian berkaitan perkara ini adalah kerana guru-guru ini mengajar subjek teras. Seperti yang diketahui umum, subjek teras merupakan subjek wajib lulus dan memerlukan perhatian yang teliti daripada guru-guru. Komitmen terhadap subjek ini menyebabkan guru-guru terpaksa mengejar silibus bagi memastikan murid menguasai kandungan pelajaran dengan baik. Keutamaan terhadap pengajaran subjek teras ini turut dibuktikan melalui petikan verbatim berikut:

"tu lah.. yang subjek teras susahlah sikit.."

"Cuma yang kita terkejar-kejar itu yang kita ajar subjek teras lah."

"sebab dia.. penguasaan murid itu penting. Penguasaan murid yang penting."

Pelbagai cabaran lain turut berlaku seperti mengurus tingkah laku murid di dalam kelas, capaian internet yang sangat terhad dan kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang diterjemahkan melalui teks verbatim seperti berikut:

"Ya.. kekurangan bahan di sini ni.."

"macam di sekolah luar bandar ini memang kekurangan bahanlah.. salah satu bahan.. bahan terutama dari segi buku-buku rujukan.."

Kekurangan bahan bantu mengajar, ditambah dengan kemampuan ekonomi ibu bapa yang terhad serta kurangnya komitmen mereka terhadap pihak sekolah, telah menyebabkan guru-guru terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi membeli peralatan bantu mengajar dan keperluan lain. Kenyataan ini disokong melalui petikan verbatim berikut:

"Jadi kita sendirilah keluar belanja untuk murid tu.."

"ada bahan-bahan ni kita kena beli untuk membantu mereka meningkatkan prestasi macam buku latihan ni.."

"saya beli sendirilah buku-buku rujukan.."

Implikasi pengurusan profesional Penolong Kanan Kokurikulum dalam pengajaran

Terdapat dua implikasi yang dikategorikan kepada implikasi terhadap guru dan implikasi terhadap murid. Perincian implikasi bagi setiap kategori ini pula dibahagikan kepada dua sudut pandang iaitu positif dan negatif.

a. Implikasi terhadap guru

i. Sudut pandang Positif

Di sebalik pelbagai tugas dan cabaran yang dihadapi, wujud impak positif terhadap kelancaran pengurusan pengajaran oleh guru. Salah seorang informan berjaya menghasilkan inovasi dalam pengurusan pengajaran dengan mengambil inisiatif mencetak sendiri bahan pembelajaran bagi membantu murid lebih memahami tajuk yang diajarkan, di samping menganjurkan kelas tambahan di luar waktu persekolahan. Selain itu, guru-guru turut mengamalkan sistem jual beli masa pengajaran bagi memastikan kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran. Ia dilihat dapat memberi kelebihan kepada GPK kokurikulum ketika tugas-tugas lain seperti latihan sukan dan latihan untuk pertandingan kokurikulum. Sistem yang diamalkan ini merupakan contoh tolak ansur yang baik dalam kalangan warga pendidik, sekali gus mencerminkan semangat kerjasama untuk berbakti secara bersama dalam dunia pendidikan. Lebih penting lagi, pelaksanaan sistem jual beli masa ini telah dipersetujui dan diputuskan secara rasmi dalam mesyuarat staf sekolah.

ii. Sudut pandang Negatif

Selain beberapa manfaat yang telah dinyatakan, kajian ini turut mengenal pasti beberapa implikasi negatif yang wajar diberi perhatian. Implikasi-implikasi ini berpotensi menjejaskan kesejahteraan guru dalam jangka masa panjang, sekali gus mempengaruhi keupayaan mereka untuk terus memberikan yang terbaik dalam proses pembelajaran murid. Antaranya ialah gangguan terhadap masa rehat, khususnya apabila guru terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum dalam tempoh yang berpanjangan. Selain itu, ia turut menuntut pengorbanan masa, tenaga dan kewangan guru itu sendiri. Khususnya apabila guru terpaksa memenuhi keperluan seperti penyediaan bahan, menghadiri latihan, atau menyertai program-program di luar waktu bekerja atas tanggungjawab tugas tambahan yang digalas. Keletihan mental dan fizikal turut dirasai, terutamanya apabila mereka perlu membahagikan tumpuan antara pengajaran, penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang tertangguh, serta penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum. Akibatnya berupaya menjejaskan kelancaran penyampaian isi pengajaran. Hal ini bukan sahaja boleh mengakibatkan prestasi murid dalam bilik darjah terkesan, malah turut menjejaskan kepuasan peribadi guru. Terdapat juga guru-guru yang tidak dapat menghabiskan silibus pelajaran dalam tempoh yang sepatutnya. Perkara-perkara ini dikhuatiri memberi tanggapan negatif ibu bapa terhadap keberkesanan dan komitmen guru-guru dalam pengajaran. Perkara ini diutarakan oleh guru melalui temubual yang dijalankan seperti berikut:

“kita risau dia dengan ibu bapa ni tanya kenapa anak saya aa.. kenapa anak saya belum menguasai ni? Apa cikgu buat?”

Meskipun guru memainkan peranan yang penting dalam menjayakan aktiviti kokurikulum, namun tugas utama seorang guru perlu diutamakan dan beban tugas yang diserahkan memerlukan sokongan agar tidak menjejaskan keupayaan mereka dalam memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap PdP.

b. Implikasi terhadap murid

i. Sudut pandang Positif

Tidak hanya implikasi daripada tugas dan cabaran GPK Kokurikulum berkisar kepada guru semata-mata. Kajian juga mendapati murid turut menerima impaknya. Antara impak positif yang didapati daripada temu bual ialah murid-murid lebih rajin bertanya. Hal ini penting supaya pelajaran yang tidak dapat dihadamkan dengan baik dapat difahami sepenuhnya. Ia juga dapat membentuk kreativiti murid selain menggalakkan sifat kepimpinan dalam diri mereka.

ii. Sudut pandang Negatif

Murid sebagai penerima ilmu tidak akan dapat menerima ilmu dengan ketiadaan guru sebagai penyampai ilmu. Antara dapatan dari temu bual adalah berkaitan murid yang lemah dalam pencapaian akademik kerana tidak mencapai penguasaan dan prestasi yang sepatutnya. Ini dibuktikan menerusi teks verbatim seperti berikut:

“memang berimplikasi kepada muridlah.. (berhenti seketika) ya..”

“tapi itu yang akan memberi implikasi kepada murid tu akan datanglah juga.. dari segi penguasaan tu..”

Penyataan ini jelas menunjukkan bahawa ketidakhadiran guru pada sesuatu sesi PdP itu memberi kesan langsung terhadap penguasaan murid. Ia seterusnya dapat menjejaskan pencapaian akademik mereka dalam jangka masa yang panjang.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa objektif kajian yang telah dinyatakan dapat dicapai. Pengkaji dapat mengetahui tugas, cabaran dan implikasi pengurusan profesional Penolong Kanan Kokurikulum dalam pengajaran. Di samping itu, pengkaji juga dapat melihat nilai yang terbaik amalan pengurusan Penolong Kanan Kokurikulum sama ada dalam aspek pengurusan profesional dan pengurusan pengajaran yang berkualiti. Cabaran-cabaran pengurusan profesional yang dihadapi Penolong Kanan Kokurikulum dalam pengajaran dapat dijadikan satu panduan dan rujukan untuk meningkatkan lagi profesion perguruan khususnya dan pengurusan profesional Penolong Kanan Kokurikulum umumnya.

Walaupun terdapat implikasi daripada cabaran-cabaran pengurusan profesional Penolong Kanan Kokurikulum dalam pengajaran, namun terdapat beberapa nilai amalan yang dapat dilihat, patut dipuji dan perlu dikekalkan malah perlu dicontohi oleh setiap Penolong Kanan Kokurikulum khususnya dan setiap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan umumnya. Antaranya, sikap ambil peduli terhadap prestasi anak didik dalam PdP. Sikap yang telah dibuktikan dalam menguruskan dua tanggungjawab yang saling berkait walaupun berbeza bidang patut dipuji dan dipandang tinggi. Biarpun ada waktunya tugas-tugas pengurusan profesional menuntut untuk disegerakan, namun dapat dilihat bahawa tugas pengurusan pengajaran tidak diketepikan sepenuhnya. Perkara utama, iaitu penyampaian ilmu kepada anak didik, tetap diberi keutamaan dengan pelaksanaan latihan pengukuhan sebelum meneruskan tugas-tugas pengurusan profesional kokurikulum. Sikap dan fikiran positif yang ditonjolkan, serta perhatian terhadap anak murid, wajar dipuji meskipun guru berdepan dengan pelbagai kekangan tugas yang menuntut pengorbanan masa peribadi. Meskipun memberi pengaruh terhadap anak didik di sekolah, rakan sekerja, ibu bapa murid, keluarga malah diri sendiri, secara sedar atau tidak, cabaran dan kesan atau hasil darinya membantu dalam membangunkan keterampilan setiap

murid. Ini termasuk apa jua tahap pengetahuan murid itu bermula dari mereka melangkah kaki masuk ke pintu sekolah. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha yang berlaku secara berterusan untuk memperkembangkan potensi setiap murid yang mendaftar dengan setiap institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Usaha yang berterusan sama ada dalam bidang kurikulum mahupun kokurikulum di sekolah-sekolah kementerian pendidikan mempunyai seorang individu utama yang menjadi tonggak dibelakangnya iaitu Penolong Kanan Kokurikulum. Justeru, setiap tugas dan peranan yang dimainkan oleh Penolong Kanan Kokurikulum sama ada di bidang kurikulum dan kokurikulum perlu dipandang tinggi dan dihargai.

Penghargaan

Penulis merakamkan ribuan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), penyelia, keluarga, rakan-rakan seperjuangan dan semua yang terlibat dalam penulisan jurnal ini.

Rujukan

- Abdullah, M. (2023). Kompetensi Guru Penolong Kanan Kokurikulum (PK Ko) dan Pengaruhnya terhadap Sikap dan Motivasi Kerja Guru. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adawiah, R., & Romadona, H. (2021). Navigating role dynamics: Investigating job stress among public school educators in Malaysia. *Proceedings of the International Conference on Early Childhood Education (ICECE)*.
- Amzat, I. H., Kaur, A., Al-Ani, W., Mun, S. P., & Ahmadu, T. S. (2021). Teacher burnout and coping strategies to remain in teaching job in Malaysia: An interpretative phenomenological analysis. *European Journal of Educational Research*, 10(3), 1075–1088.
- Ani, S. C., Zake, N. A. M., Akbar, N. A. A., Ramzi, N. A. N., & Zamziba, N. A. M. (2025). Teaching on the edge: How workload drives burnout among Malaysian educators. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 15(5), 71–83.
- Asman, J., Poobalan, G., Mustapha, M., Talip, R., Padan, R., Kaliappan, S., ... Aris, A. M. (2023). Factors affecting teacher workload in low-enrollment schools: A survey of Sarawak state schools, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(4), n.p.
- Chan, M. Y., & Lau, W. C. (2022). Penggunaan bahan bantu mengajar interaktif dalam pengajaran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(2), 53–66.
- Faizah, M. A., Zulkefli, N. A., & Mahayuddin, M. (2021). Cabaran pengurusan tingkah laku murid sekolah rendah di kawasan luar bandar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(1), 88–101.
- Hashim, H., & Mokhtar, M. Z. (2023). Kekangan masa pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah: Satu tinjauan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(4), 45–59.
- Hew, L. P., Wahab, N. A., & Tan, C. M. (2023). Kepimpinan multidimensi dan impaknya terhadap komitmen guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(3), 12–21.
- Ibrahim, N. H., & Abdul Wahab, J. (2021). Kepimpinan transformasional Penolong Kanan Kokurikulum dan hubungan dengan efikasi guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2), 181–196.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1987). Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kuala Lumpur: Bahagian Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Laporan Tahunan Kokurikulum Sekolah Menengah Malaysia. Bahagian Kokurikulum dan Kesenian.
- Maznah, A. (2023). Kompetensi Guru Penolong Kanan Kokurikulum (GPK Ko) dan Pengaruhnya Terhadap Sikap dan Motivasi Kerja Guru. Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed, R. (2021). Mengurus kemahiran multitasking untuk profesion guru. Pandai.org.
- Mohd. Sani, N. A. (2022). Kepimpinan Transformasi dan Pengurusan Kokurikulum Sekolah: Cabaran dan Implikasi. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(2), 88–95.
- Othman, C., & Busari, A. H. (2023). Tahap komitmen guru sekolah rendah di Sarawak. *Malaysian Research Journal*, 7(1), 30–44.
- Pau, K., Ahmad, A. B., Tang, H.-Y., Jusoh, A. J. B., Perveen, A., & Tat, K. K. (2022). Mental health and wellbeing of secondary school teachers in Malaysia. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 21(6), 50–70.
- Razali, R., & Kamarudin, S. (2023). Strategi guru menangani kesukaran menghabiskan sukatan pelajaran dalam kelas berkeperluan khas. *Jurnal Isu-isu Pendidikan*, 5(1), 21–34.
- Rusdi, S. D., Mohd, I. H., Omar, M. K., Aluwi, A. H., Hussein, N., & Masri, M. A. (2021). Job stress and its predictors among Malaysian teachers. *The Journal of Organizational Management Studies*, 2021, Article ID 863862, 9 hlm.
- Samad, N., Noor, M. A. M., & Mansor, M. (2022). Dilema Penolong Kanan di sekolah rendah: Kajian keperluan kepada pembangunan model kompetensi. *Isu Dalam Pendidikan*, 44, 39–58.
- Shaari, A. S., Romle, A. R., & Kerya, M. Y. (2022). Beban tugas guru dan kesannya terhadap prestasi kerja. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(2), 13–25.
- Yusoff, S. M., & Suhaimi, M. (2022). Komitmen organisasi guru: Dimensi kecerdasan kontekstual pengetua sebagai peramal signifikan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(4), 77–90.
- Zainuddin, Z. A., Daud, Y., & Mohd Nor, S. A. (2016). Peranan Penolong Kanan Kokurikulum dalam Pengurusan Sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(1), 1–12.